

27 APR 1998

AGONG HADIRI MAJLIS DOA SELAMAT DAN TAHLIL MA'AL HIJRAH (Bergambar)

KUALA LUMPUR, 27 April (Bernama) -- Yang di-Pertuan Agong Tuanku Ja'afar malam ini berangkat ke majlis tahlil dan doa selamat sempena sambutan Ma'al Hijrah di Masjid Negara di sini.

Turut hadir ialah Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali, Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Dr Abdul Hamid Othman dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Islam Malaysia Datuk Abdul Hamid Zainal Abidin.

Beberapa orang pegawai Islam daripada perwakilan asing turut hadir pada majlis itu.

Majlis dimulai dengan bacaan doa akhir tahun sebelum Maghrib diikuti doa awal tahun sebelum disusli dengan majlis tahlil.

Imam Besar Masjid Negara Taib Azamuddin Muhd Taib mengetuai majlis itu.

-- BERNAMA

MHI NAK